

MSM Program Fizik dengan Elektronik

Sesi 2010/2011

Sempena kemasukan pelajar baru Program Fizik dengan Elektronik (FE) sesi 2010/2011, slot separuh hari telah disediakan pada 8 Julai 2010 dalam Minggu Suai Mesra bagi mengadakan sesi bersama pelajar baru Program FE. Aktiviti ini telah diadakan di BT 52. Seramai 29 orang pelajar baru telah mendaftar pada sesi tersebut. Aktiviti ini telah dipengerusikan oleh Ketua Program FE, Dr. Zulistiana Zulkifli. Beliau mengalu-alukan kedatangan pelajar baru dan memperkenalkan pensyarah-pensyarah FE. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan kursus-kursus yang ditawarkan dalam program FE. Tambah beliau lagi, pelajar tidak perlu risau tentang prospek kerja untuk graduan Program FE. Pelajar-pelajar juga telah dibahagikan kepada kumpulan kecil yang dipimpin oleh penasihat yang terdiri daripada pensyarah FE. Ia bertujuan bagi membincangkan isu-isu yang sedang dan mungkin akan dialami pelajar sepanjang pengajian mereka di UMS. Aktiviti ini diakhiri dengan jamuan ringan.